


1Malaysia

PID

PUSAT INTERNET DESA

RURAL INTERNET CENTRE

Pusat Internet Desa Marang
D/A Pejabat Pos Malaysia Berhad Marang
21600 Marang, Terengganu.
Tel/Fax : +609 618 3261
http://marang.pid.net.my
email : marang@pid.net.my




# PUSAT INTERNET DESA MARANG

http://marang.pid.net.my

KEMENTERIAN
PENERANGAN
KOMUNIKASI
& KEBUDAYAAN

*Merapatkan Jurang Digital*

# PUSAT INTERNET DESA

*'Merapatkan Jurang Digital'*

## Pengenalan

Program Internet Desa adalah satu program kerajaan Malaysia melalui Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi (KTAK) dengan kerjasama Pos Malaysia Berhad (PMB) bagi meningkatkan kadar celik IT di kalangan komuniti luar bandar. Ini adalah sejajar dengan hasrat kerajaan dalam mengimbangi jurang digital di antara penduduk bandar dan luar bandar dalam menuju Wawasan 2020.

Program ini dijalankan di 42 Pusat Internet Desa(PID) yang ditempatkan di Pos Malaysia terpilih seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Bagi negeri Terengganu, terdapat 2 buah PID yang beroperasi iaitu di Pejabat Pos Marang dan Pejabat Pos Mukim Kuala Besut.

Namun pada Julai 2009, profolio PID telah dipindahkan di bawah tanggungjawab Kementerian baru iaitu Kementerian Penerangan, Komunikasi Dan Kebudayaan (KPKK).

## Objektif

- Merapatkan Jurang Digital antara komuniti luar bandar dan bandar.
- Mempertingkatkan penetrasi PC dan Internet di luar bandar.
- Mewujudkan peluang berasaskan ICT kepada komuniti luar bandar.

## Pusat Internet Desa Marang

Pusat Internet Desa Marang telah mula beroperasi pada 1hb April 2004 dan dari hari ke hari perkembangan pembelajaran komputer dan bilangan pengguna di PID Marang semakin meningkat.

Di sini kami menyediakan kelas pembelajaran pengenalan dan asas komputer kepada komuniti tempatan yang berminat secara percuma. Kelas ini dijalankan dengan kemudahan seperti :-

- 8 buah komputer dan 2 buah laptop
- Akses Internet dan Wifi serta Mesin Faksimili
- Pengimbas (scanner), Pencetak hitam & warna (printer) serta pembaca kad pintar
- Kamera Digital dan Projektor serta Skrin Layar Putih
- Penyalin CD (CD Writer)

Kemudahan pembelajaran ini disediakan kepada komuniti setempat yang berumur 18 ke atas mengikut keutamaan iaitu :-

- Warga Emas
- Wanita / Suri rumah
- Belia Lepasan Sekolah atau sesiapa sahaja yang berminat
- Pelajar Sekolah

Kami juga mengadakan bengkel-bengkel berkaitan dengan ICT dari semasa ke semasa.

## Percapaian

Antara percapaian terbaik PID Marang yang telah diperolehi adalah ;-

- Pemenang bersama 'Anugerah Telecentre Terbaik' pada 2005
- Dilantik oleh Kementerian Kewangan sebagai wakil sah e-perolehan
- Tempat Pertama dalam kajian soalselidk oleh pelajar USQ University, Australia.

## Perkhidmatan

Antara perkhidmatan lain yang ditawarkan di Pusat Internet Desa Marang ialah :-

- Akses Penggunaan Internet dan Wifi
- Mencetak dan Mengimbas (Scanning)
- Laminate Dan Binding
- Jualan Disket, CDR / CDRW dan Kertas (pelbagai kertas)
- Perkhidmatan Faksimili
- Upah Menaip dan pembinaan blog
- Khidmat nasihat ICT
- Mengadakan Bengkel ICT dan Keusahawanan
- Servis baik pulih PC
- Pendaftaran serta semua urusan yang berkaitan dengan aplikasi e-perolehan




Anugerah Telecentre Terbaik



eperolehan

eP@Desa
Perkhidmatan ePerolehan Setempat

PID
MARANG, TERENGGANU

Premis ini diiktiraf sebagai
wakil sah perkhidmatan sistem ePerolehan
pada
**Ogos 2009**

Hj. Abd Shukor bin Ibrahim
Pengarah Projek ePerolehan
Unit ePerolehan
Kementerian Kewangan Malaysia

Datuk Azizan bin Ayob
Ketua Pegawai Eksekutif
Commerce Dot Com Sdn Bhd

Wakil Sah e-perolehan



USQ
AUSTRALIA
Faculty of Business

*1st Prize*

*The Centre with the Most Respondents to a survey on the Impact of Rural Internet Centres*

*Awarded to*

*Rural Internet Center*
*RIC/PID Marang, Terengganu*

*Professor Allan Layton*
*Dean, Faculty of Business*

*17th May 2010*

Tempat Pertama (USQ Survey)